

10/04/2002

Penuntut UiTM bakal catat rekod kibar Jalur Gemilang

SHAH ALAM, Selasa - Seramai 25 penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) bakal mencatat sejarah dalam Guinness Book of World Records apabila mengibarkan Jalur Gemilang paling panjang di puncak Kallaphattar, Nepal.

Jalur Gemilang sepanjang empat kilometer itu akan dikibarkan secara melintang dalam bentuk abjad 'M' yang membawa maksud simbolik iaitu Mara, Malaysia, Mahathir dan Melayu.

Naib Canselor UiTM, Datuk Dr Ibrahim Abu Shah, berkata rombongan itu dijangka bertolak ke Nepal 18 April ini dan berada negara itu selama sebulan.

Beliau berkata, ekspedisi itu membabitkan perbelanjaan RM219,000 yang ditaja syarikat swasta, kerajaan negeri dan agensi kerajaan, antaranya Kementerian Belia dan Sukan serta Kerajaan Selangor.

"Seramai 25 penuntut termasuk lima siswi, dipilih daripada 500 penuntut yang akan mengukir sejarah mengharumkan nama negara dalam program khas ini," katanya pada sidang akhbar sempena Karnival Rekreasi Rakan Muda Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Sebanyak 19 IPT awam dan swasta, membabitkan lebih 2,000 peserta, menyertai karnival kali keempat anjuran UiTM dan Kementerian Belia dan Sukan selama lima hari, bermula Ahad lalu.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata kementerian menyokong usaha yang dianggap dapat menguatkan semangat patriotisme di kalangan penuntut IPT.

Selain mengharumkan nama negara, beliau berkata, rombongan itu dapat melihat kehidupan rakyat negara lain yang serba kekurangan, seterusnya menginsafi keuntungan hidup di Malaysia.

"Ekspedisi seumpama ini, walaupun menelan perbelanjaan besar tetapi memberi keuntungan kepada tanah air, khususnya dari segi imej di mata dunia," katanya.

Ketua Ekspedisi, Mohd Fauzan Hassan, berkata mereka akan berada di puncak itu selama tiga hari dan bakinya digunakan bagi membuat persiapan dan perjalanan ke sana.

"Ketika berada di puncak Kallaphattar setinggi 5,545 meter itu, kita akan mereka bentuk abjad 'M' dan mengibarkannya, sebelum turun semula," kata bekas pendaki gunung Everest.

Beliau berkata, pendakian bermula melalui Lukha dan melalui 18 hentian sebelum tiba di puncak Kallaphattar yang bermakna Permata Hitam dan singgah di Everest Base Camp.

"Kita tidak menjangka apa-apa masalah besar tetapi perlu berhati-hati kerana tiupan angin kencang ketika pendakian," katanya.

(END)